

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

13. Program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan prestasi program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang pada tahun 2008 sehingga kini.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan kaedah baru untuk pelaksanaan program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang? Jika ada, sila nyatakan.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. (a) Kerajaan Negeri melalui Penggerak Komuniti Muda (PEKA) telah memulakan inisiatif pemberian tuisyen dan kelas tambahan percuma kepada pelajar Pulau Pinang pada tahun 2017 dan masih diteruskan sehingga hari ini. Program tersebut telah dimulakan secara projek rintis pada tahun 2017 di tiga (3) daerah iaitu di Timur Laut, Barat Daya dan Seberang Perai Tengah dengan memberikan tuisyen percuma kepada 94 pelajar darjah empat, lima dan enam untuk mata pelajaran sains dan matematik. Berikutan sambutan yang sangat menggalakkan daripada penduduk Pulau Pinang, program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang diperkembangkan pada tahun-tahun seterusnya dengan penambahan pelajar melibatkan tingkatan 3 dan tingkatan 5 dengan menawarkan mata pelajaran tambahan iaitu Bahasa Inggeris serta penambahan pusat tuisyen di semua daerah. Perincian program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang

dari segi bilangan pusat tuisyen dan pelajar adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

PEKA melaksanakan Tuisyen Rakyat dengan kerjasama ADUN kawasan, Ahli Parlimen, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). PEKA menyediakan kemudahan kelengkapan untuk pembelajaran, manakala, urusan pengambilan pelajar diuruskan dengan kerjasama ADUN, Ahli Parlimen, PBT, MPKK dan NGO. Program ini memberi keutamaan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Mengambil kira respon yang diterima daripada penduduk Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan meneruskan penggunaan kaedah yang sama untuk pelaksanaan Tuisyen Rakyat ini. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji pelaksanaan program ini bagi memastikan pendidikan yang terbaik dapat diberikan kepada pelajar di negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

PERINCIAN PROGRAM TUISYEN RAKYAT PULAU PINANG DARI TAHUN 2017 HINGGA 2020

| Daerah | 2017 | | 2018 | | 2019 | | 2020 | |
|------------------------|--------------|----------------|--------------|----------------|--------------|----------------|--------------|----------------|
| | Jumlah Pusat | Jumlah Pelajar | Jumlah Pusat | Jumlah Pelajar | Jumlah Pusat | Jumlah Pelajar | Jumlah Pusat | Jumlah Pelajar |
| Timur Laut | 1 | 30 | 1 | 30 | 6 | 199 | 8 | 191 |
| Barat Daya | 1 | 34 | 1 | 40 | 4 | 177 | 10 | 322 |
| Seberang Perai Utara | - | - | 5 | 176 | 9 | 351 | 6 | 135 |
| Seberang Perai Tengah | 1 | 30 | 6 | 212 | 7 | 307 | 10 | 425 |
| Seberang Perai Selatan | - | - | 8 | 266 | 8 | 412 | 7 | 294 |
| JUMLAH | 3 | 94 | 21 | 724 | 34 | 1446 | 41 | 1367 |